

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober /November 1996

**HMT 203 Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia**

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG SEPULUH [10] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **SEMUA** soalan.

**ARAHAN**

- [a] Sila tulis nombor soalan 1 - 10 secara berurutan pada kulit hadapan kertas soalan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak.
  - [b] Tulisan mestilah mudah dibaca. Jawapan yang sukar dibaca mengakibatkan kehilangan markah.
  - [c] Jawab soalan secara tepat dengan menggunakan bahasa Melayu Tinggi.
- 
1. Asal usul bahasa menurut J.G. Herder berdasarkan Teori Onomatopea atau Teori Peniruan Bunyi. Apakah yang dimaksudkan dengan teori tersebut dan sila beri contoh perkataan di dalam bahasa Melayu dengan jumlah yang mencukupi bagi membuktikan teori ini.
  2. Setakat ini ada dua pendapat tentang asal usul bangsa Melayu, iaitu: dari Asia Tengah dan Asia Barat. Sila kemukakan pula pendapat anda dan beri alasan yang munasabah.
  3. Beri pembuktian bahawa bangsa Arab jauh lebih awal datang ke Nusantara dibandingkan dengan kedatangan bangsa India dan China.

.../2

4. Apabila tulisan yang terdapat di dalam Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M), Batu Bersurat Talang Tuwo (684 M), Batu Bersurat Kota Kapur (686 M) dan Batu Bersurat Karang Brahi (692 M) dibaca dengan teliti dapatlah disimpulkan bahawa bahasa Melayu Kuno ada hubungannya dengan Bahasa Melayu Moden. Huraikan.
5. Di sekitar tahun 1894-1929 terdapat banyak sekali surat khabar dan majalah diterbitkan. Sila nyatakan apakah peranan pengarang dan media cetak tersebut daripada sudut sejarah perkembangan bahasa Melayu.
6. Pengkaji Barat mendapati bahawa bahasa Melayu yang banyak mengandungi ayat pasif menunjukkan bahawa orang Melayu bersifat pasif. Sila beri komen anda.
7. Majlis Bahasa Indonesia - Malaysia terbentuk pada tahun 1972. Apakah kesan penyatuan ejaan ini terhadap perkembangan bahasa Melayu?
8. Sila bincangkan iklan berikut ini, ditinjau daripada sudut nilai budaya Malaysia.

**AYAM GORENG KFC, SEHINGGA MENJILAT JARI**

9. Masih ramai di antara pengguna bahasa yang tidak menyedari bahawa bahasa Melayu sebenarnya tidak memerlukan penggandaan atau pengulangan pada kata nama dengan maksud menjamakkannya. Bagaimanakah timbulnya penjamakan (pengulangan) kata nama daripada sudut sejarah bahasa Melayu?
10. Apakah kesannya kepada bahasa dan bangsa Malaysia sekiranya bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar di Institut Pengajian Tinggi di negara ini?

--oo000oo--